

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1988/89

RPW 541 - Teori Dan Falsafah Perancangan

Tarikh: 2 November 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengah hari
(3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

- (i) Jawab EMPAT soalan sahaja
- (ii) Soalan SATU di dalam Bahagian A diwajibkan dan pilih TIGA dari Bahagian B.
- (iii) Pastikan anda ENAM soalan.

BAHAGIAN A (Wajib)

1. Pemikiran perancangan A. Faludi mempengaruhi teori, konsep dan metodologi perancangan, sejak tahun 1960an hingga kini.
 - (a) Huraikan falsafah perancangan A. Faludi.
 - (b) Susurgalurkan kritik-kritik yang ditujukan kepada teori, konsep dan metodologi perancangan A. Faludi.
 - (c) Nyatakan apakah pendapat anda tentang kesan debat itu kepada teori, amalan dan falsafah perancangan masakini.

(40 markah)

BAHAGIAN B (Jawab TIGA soalan sahaja)

2. Bincangkan perhubungan di antara perancangan sebagai ideologi dan perancangan sebagai mod pengawalan dasar-dasar awam.

(20 markah)

3. Bincangkan sejauhmana pemerintah adalah badan berkecuali dan majmuk yang membalas tekanan dari pelbagai kepentingan.

(20 markah)

4. Apakah peranan dan tanggungjawab seorang perancang bandar? Sejauh manakah peranan dan tanggungjawab ini diamalkan disalah sebuah organisasi yang anda ketahui?

(20 markah)

5. Bincangkan perkembangan pemikiran teori, konsep dan metodologi perancangan di Malaysia dari awal hingga ke masa kini (1980an)

(20 markah)

6. Huraikan falsafah salah satu daripada berbagai-bagai pendekatan yang diamalkan oleh sarjana perancangan dan nyatakan kelemahan-kelemahannya. Gunakan contoh-contoh yang sesuai.

(20 markah)